



Buku Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Kontraktor Universiti Teknologi MARA Shah Alam

No Tawaran/sebutharga	:	_____
Harga Kontrak (RM)	:	_____
Tarikh Mula Projek	:	_____
Tarikh Tamat Projek	:	_____
Nama Syarikat Kontraktor	:	_____
Alamat	:	_____ _____
No. Telefon dan Fax	:	_____
Pengurus Projek (Kontraktor)	:	_____
Pegawai UiTM	:	_____
Pengurus Projek (UiTM)	:	_____

ISI KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Muka
1.0	TATACARA ETIKA KERJA, GARIS PANDUAN DAN PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI KONTRAKTOR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.	C9 / 3
2.0	ATURAN KESELAMATAN	
a)	KESELAMATAN DI TAPAK BINA	C9 / 8
b)	BEKERJA DI TEMPAT TINGGI	C9 / 10
c)	KESELAMATAN ELEKTRIK	C9 / 10
i.	LOCKOUT / TAGOUT	C9 / 12
d)	PENGGUNAAN KENDERAAN / MESIN ANGKAT	C9 / 13
e)	KEKEMASAN DI TEMPAT KERJA	C9 / 14
f)	PENGENDALIAN SISA BUANGAN	C9 / 14
g)	KESELAMATAN LALULINTAS DI KAWASAN LOJI DAN PEPASANGAN ELEKTRIK	C9 / 14
h)	KESELAMATAN BEKERJA DI JALAN RAYA	C9 / 15
i)	KESELAMATAN PENGENDALIAN GAS	C9 / 15
j)	KESELAMATAN DI DALAM KERJA-KERJA KHAS	C9 / 16
i.	TEMPAKAN LELASAN (GRIT BLASTING)	C9 / 16
ii.	PENGGUNAAN UDARA MAMPAT	C9 / 16
iii.	KERJA PANAS (HOT WORK)	C9 / 17
iv.	KERJA-KERJA MENGOREK / MENGGALI	C9 / 18
v.	SESI TOOLBOX	C9 / 18
3.0	PERUNDANGAN BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA DI UiTM	C9 / 19
4.0	PANDUAN TELEFON STAF	C9 / 20
5.0	PERAKUAN	C9 / 22

TATACARA ETIKA KERJA, GARIS PANDUAN DAN PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI KONTRAKTOR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

Semua para pekerja hendaklah melengkapkan diri dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan setiap masa hendaklah mematuhi Akta serta Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan agar tidak menjejaskan warga UiTM, orang awam dan harta UiTM.

1. Semua pihak kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan apa-apa kerja di UiTM hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut kepada pihak Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM (BKKP, PPF -UiTM) sebelum memulakan sesuatu kerja iaitu :
 - 1.1 **Carta organisasi keselamatan dan kesihatan syarikat** - merangkumi nama pihak pengurusan, nama pekerjaan tapak binaan dan jawatan berserta nombor telefon untuk dihubungi.
 - 1.2 **Senarai nama pekerja** dan bidang yang diceburi.
 - 1.3 **Salinan fotostat kad pengenalan** diri, passport dan permit kerja yang diluluskan oleh pihak berkuasa.
 - 1.4 **Salinan fotostat Kad Hijau CIDB** (CIDB Green Card) atau Kupon NIOSH (NIOSH COUPON) dan,
 - 1.5 **Salinan fotocopy sijil pendaftaran CIDB** syarikat
 - 1.6 **Gambar warna berukuran passport** sebanyak dua (02) keping.
 - 1.7 **Senarai penerimaan PPE** oleh pekerja satu salinan.
 - 1.8 Menandatangani **surat penyerahan liabiliti**.
 - 1.9 **Manual keselamatan termasuk kajian risiko (Risk assesment Study)** serta langkah-langkah mengatasinya untuk setiap projek berkenaan.

- 1.10 **Tatacara Kerja (Method Of Statement)** satu salinan.
2. Semua pihak pengurusan kontraktor dan pihak yang terlibat, hendaklah bertanggungjawab terhadap pekerja dan memastikan para pekerja mereka memiliki **pas pekerjaan** yang dibenarkan disamping menghadiri taklimat keselamatan dan kesihatan dari **BKKP-UiTM** sebelum memulakan apa-apa kerja di tapak bina.
 3. Pihak pengurusan kontraktor adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan **laporan mesyuarat keselamatan dan kesihatan pekerjaan** di tapak binaan, pada setiap kali mesyuarat dilangsungkan dan salinan harus diserahkan kepada **BKKP-UiTM**.
 4. Kesemua pekerja yang terlibat didalam pelaksanaan kerja-kerja yang berkaitan adalah diwajibkan **memakai alat-alat perlindungan diri** berdasarkan skop bidang yang berkaitan kerja yang akan dilaksanakan kelak. Pemakaian topi keselamatan (safety helmet) dan kasut perlindungan (safety boots) adalah diwajibkan.
 5. Aktiviti **merokok bagi para pekerja kontraktor** dan pihak yang terlibat adalah dilarang sama sekali terutama di kawasan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan cawangan-cawangannya .
 6. Kesemua **alatan, mesin dan jentera** yang akan digunakan semasa pelaksanaan, haruslah mendapat kelulusan dari pihak **BKKP-UiTM** terdahulu dan diperiksa oleh para pegawai dari pihak BKKP-UiTM.
 7. Kesemua pihak kontraktor hendaklah memastikan semua mesin dan jentera yang digunakan didalam kawasan UiTM mempunyai **rekod sijil yang masih dalam tempoh sah laku** dan tidak melanggar syarat-syarat atau peraturan Akta dan Mesin dan Jentera 1969. Salinan rekod sijil ini haruslah diserahkan kepada **BKKP-UiTM**.
 8. Hanya pekerja atau pihak yang **berkelayakan atau kompeten sahaja dibenarkan** untuk mengendalikan alatan-alatan ,mesin dan jentera yang terlibat dalam pelaksanaan kerja pembangunan dan penyelenggaraan di kawasan UiTM.

9. Pihak kontraktor harus bertanggungjawab dalam memastikan kesemua mesin dan jentera yang akan digunakan diselenggara dan dibaik pulih pada setiap bulan dan salinan **rekod selenggara** haruslah diserahkan pada **BKKP- UiTM**.
10. Kerja-kerja berisiko haba tinggi (welding & gas cutting) haruslah mendapat **permit kerja** terdahulu dari pihak **BKKP-UiTM**. Pihak pengurusan kontraktor dan penyelia tapak akan dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan dan mempamirkan permit yang telah diluluskan oleh pihak BKKP-UiTM.
11. Pihak kontraktor harus memastikan bahawa setiap **alatan cegah kebakaran** yang berada dalam kawasan tapak perlaksanaan, terutamanya di tempat-tempat yang berisiko tinggi serta bahaya, berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan (berfungsi) semasa atau ketika keadaan kecemasan.
12. Sekiranya hendak menanggal atau mencabut atau mengalihkan **sistem penggera amaran dan pencegahan kebakaran** di mana-mana bangunan di UiTM, pihak kontraktor hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pegawai yang berkenaan di **Bahagian Sistem Operasi Mekanikal, Pejabat Pengurusan Fasilitas**.
13. Pihak kontraktor seharusnya memastikan setiap mesin dan jentera yang akan digunakan mempunyai mekanisma perlindungan keselamatan tersendiri (safety device) sebagai contoh :
 - 13.1 Gas cylinder dipasang bersama (flash –back arrestor)
 - 13.2 Komponen bergerak seharusnya mempunyai penutup (cover)
 - 13.3 Jentera (crane) ada mempunyai suis terhad pada bahagian tali penaik (limit lifting wire rope)
 - 13.4 Janakuasa bergerak (portable generators) hendaklah disertakan bersama pendawaian ke bumi (Residual Current Circuit Breaker RCCB)
14. Setiap pihak pengurusan kontraktor perlu menyenaraikan sekurang-kurangnya **seorang pegawai keselamatan** atau individu di kalangan pengurusan yang berfungsi sebagai penyelia keselamatan di tapak bina.

15. Kesemua kerja-kerja pendawaian hendaklah menepati **Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)** dan Pengurusan Teknikal (UiTM). Pemasangan kabel hendaklah selamat semasa sambungan ke punca bekalan dan tahap kekuatan pemutus litar yang ada didalamnya haruslah setara.
16. Kerja-kerja pemasangan perancah (scaffold) haruslah dikawal selia oleh pihak atau individu yang **kompeten mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh JKKP**. Manakala pemeriksaan perancah yang telah diluluskan hendaklah didaftarkan di BKKP-UITM.
17. Semua kerja yang melibatkan kerja-kerja meroboh atau membina adalah diwajibkan ditutup dengan **penghadang sempadan (safety barricade/ hoarding)** dikawasan sekelilingnya dan disertakan bersama **tanda amaran** keselamatan yang dipamirkan dilokasi-lokasi berisiko atau bahaya.
18. Semua lokasi arah keluar, masuk dan laluan terowong didalam kawasan tapak bina diwajibkan **tiada halangan** seperti bahan binaan atau alat perkakasan kerja pembinaan yang menghalang laluan tersebut.
19. Bahan binaan yang mempunyai risiko bahaya (hazardous) dan **mudah terbakar haruslah disimpan dengan baik** atau diasingkan semasa proses penyimpanannya oleh pihak pengurusan kontraktor ditapak bina.
20. Pihak pengurusan kontraktor yang terdiri dari pengurus projek, penyelia tapak dan juruteknik tapak hendaklah **menghadiri mesyuarat bulanan koordinasi keselamatan dan kesihatan BKKP-UiTM**. Mesyuarat ini juga bertindak sebagai mesyuarat mingguan keselamatan dan kesihatan kontraktor.
21. Para pekerja binaan hendaklah menjauhi dari aktiviti pengambilan **dadah berbahaya dan minum minuman keras** semasa berada dalam kawasan UiTM kerana ia merupakan perkara yang dilarang dan melanggar peraturan UiTM.
22. Pihak pengurusan kontraktor dan para pekerja mereka adalah sama sekali tidak dibenarkan **menceroboh ke kawasan** lain, selain tapak binaannya.
23. Pihak kontraktor yang terlibat dalam perlaksanaan projek pembangunan dan penyelenggaraan didalam kawasan UiTM haruslah **menyediakan papan sempadan (perimeter hoarding)** bagi memastikan tiada mana-mana pihak yang akan menceroboh ke dalam tapak binaan dan mengurangkan risiko kecurian dan sebagainya dari berlaku di tapak binaan.

24. Pihak kontraktor dan pekerjaanya adalah sama sekali **dilarang mengambil dan menggunakan harta benda** atau kemudahan UiTM tanpa kebenaran dari pihak pentadbiran dan pengurusannya.
25. **Pergaduhan antara pengurusan kontraktor atau pekerjaanya** dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang adalah dilarang sama sekali di dalam kawasan perlaksanaan tapak binaan dan dalam kawasan UiTM. Jika sekiranya didapati telah berlakunya pergaduhan di dalam tapak binaan, maka pihak pengurusan kontraktor boleh dikenakan tindakan buang tapak oleh pihak UiTM.
26. Pihak pengurusan kontraktor dan para pekerjaanya adalah digesa **mengambil bahagian** dalam apa juga aktiviti, kempen dan program yang melibatkan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam kawasan UiTM.
27. Pihak Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (**BKKP-UiTM**) **sentiasa menggalakkan sebarang idea-idea** baru yang boleh dikemukakan atau digunakan dalam perlaksanaan kerja binaan dengan tujuan memperbaiki tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan didalam kawasan UiTM.
28. Semua pihak pengurusan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan didalam kawasan UiTM **hendaklah mematuhi syarat-syarat atau peraturan-peraturan** berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari BKKP-UiTM yang akan diberitahu dari semasa ke semasa.
29. Mana-mana Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik berhak untuk menjalankan pemeriksaan pada bila-bila masa dan boleh mengeluarkan apa-apa notis, denda atau memberhentikan sesuatu aktiviti kerja yang didapati melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Akibat dari notis atau pemberhentian tersebut pihak UiTM tidak akan menanggung apa-apa liabiliti, semua kos kerugian akan ditanggung oleh pihak perunding/kontraktor kerja/ projek berkenaan.

ATURAN KESELAMATAN

KESELAMATAN DI TAPAK BINA

- Ω Pihak pengurusan kontraktor adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan **laporan mesyuarat keselamatan dan kesihatan pekerjaan** di tapak bina, pada setiap kali mesyuarat dilangsungkan dan salinan harus diserahkan pada **BKKP-UiTM**.
- Ω Setiap pekerja hendaklah memakai topi keselamatan semasa menjalankan sebarang aktiviti di tapak binaan.
- Ω Menggunakan kasut keselamatan seperti but keselamatan pelbagai guna dan but keselamatan khas.
- Ω Menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai dengan keadaan kerja (cth: bekerja di tempat tinggi)
- Ω Membuat pemeriksaan terhadap mesin terlebih dahulu sebelum memulakan kerja.
- Ω Mematuhi setiap arahan papan tanda yang telah digariskan di tapak bina.
- Ω Menggunakan laluan yang selamat ketika menjalankan tugas.
- Ω Menyediakan laluan selamat untuk orang awam.
- Ω Menyediakan pencahayaan yang sesuai ketika menjalankan aktiviti kerja.
- Ω Memastikan paku ditanggalkan atau dibengkokkan supaya tidak berlaku kecederaan.
- Ω Menggunakan jaring keselamatan kerana ia boleh menyelamatkan nyawa pekerja.
- Ω Menggunakan pelantar perlindungan di mana perlu.

- Ω Memastikan setiap pekerja tidak cuai ketika melakukan kerja.
- Ω Memastikan setiap pekerja tahu bagaimana cara pengendalian kasa dawai supaya tidak mengalami sebarang kecederaan.
- Ω Memastikan laluan untuk pekerja tidak terhalang kerana ia boleh mengganggu sebarang aktiviti yang dijalankan.
- Ω Memastikan pekerja tidak menjalankan kerja elektrik tanpa mendapat kebenaran untuk menggunakan peralatan elektrik tersebut.
- Ω Mengendalikan bahan kimia dengan cermat dan selamat.
- Ω Menggunakan tali pinggang keselamatan semasa membuat aktiviti di tempat tinggi.
- Ω Menjaga silinder dengan selamat.
- Ω Menggunakan sistem pembuangan sisa binaan yang betul.
- Ω Menggunakan alat perlindungan diri ketika menjalankan aktiviti kimpalan.
- Ω Menggunakan laluan yang betul ketika melakukan kerja di atas bumbung.
- Ω Memeriksa brek dan memandu dengan cermat.
- Ω Menghalang pekerja lain dari menaiki trak pembuang dan mesin pengorek.
- Ω Tidak memasuki ruang tertutup tanpa kebenaran.
- Ω Memastikan bahawa ruang kerja sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat.
- Ω Menggunakan tali kawalan (mengikut kesesuaian kerja) ketika mengangkat beban .
- Ω Menggunakan penghadang untuk melindungi keselamatan orang awam ketika menjalankan tugas.

- Ω Menyediakan peti rawatan kecemasan yang lengkap di tapak bina.
- Ω Menggunakan segala kelengkapan perlindungan diri (PPE) seperti sarung tangan, kasut keselamatan, topi keselamatan, tali pinggang keselamatan dan pelindung mata sebagai langkah keselamatan pekerja.

BEKERJA DI TEMPAT TINGGI

Sistem dan cara bekerja yang selamat perlu dipatuhi dalam sebarang aktiviti kerja dalam semua industri. Ini penting untuk mengelakkan pendedahan pekerja kepada risiko kemalangan nyaris mahu pun kemalangan maut di tempat bekerja.

Kontraktor yang mendapat kontrak bekerja di Universiti Teknologi MARA dikehendaki menyediakan dan memastikan pekerjaanya :

- Ω Menggunakan kelengkapan peranti jatuh yang lengkap apabila bekerja pada paras ketinggian melebihi 10 kaki.
- Ω Sentiasa bekerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam sebarang aktiviti keselamatan bekerja termasuk latihan yang dianjurkan oleh pihak majikan.
- Ω Mematuhi peraturan bekerja selamat mengikut suasana kerja yang telah digariskan oleh UiTM.
- Ω Menggunakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang mengikut piawaian yang ditetapkan, dan menjalani latihan sempurna berkenaan cara betul penggunaannya.
- Ω Membuat pemeriksaan lengkap terhadap semua kelengkapan, peralatan dan jentera yang hendak digunakan mengikut jadual harian yang ditetapkan dan melaporkan sebarang kerosakan dan kecacatan kepada penyelia dengan segera.

KESELAMATAN ELEKTRIK

- Ω Hanya pekerja yang terlatih dan bertauliah (competent) sahaja dibenarkan memohon permit kerja-kerja pemasangan, baikpulih dan penyelenggaraan.

Contohnya :

- Jurutera Elektrik
- Penyelia Elektrik
- Penjaga Jentera (Chargeman)
- Pendawai (Satu Fasa, Tiga Fasa)
- Pencantum Kabel

Ω Pekerja-pekerja lain hendaklah diselia oleh pekerja kompeten.

Ω Hendaklah diamalkan ketika kerja berhampiran atau dengan peralatan berkuasa elektrik (yang mempunyai arus elektrik) :

- Dapatkan permit untuk berkerja. **Permit To Work (PTW)**
- Sekiranya kerja-kerja tersebut memerlukan penambahan bekalan kuasa sedia ada, sila mohon penambahan bekalan dengan mengisi borang permohonan bekalan. **Permohonan Bekalan.**
- Patuhi prosedur kerja selamat (SOP)
- Kenalpasti di mana suis kecemasan
- Jangan memakai barang berlogam seperti cincin, tali pinggang berkepala logam, jam tangan dan sebagainya.

Ω Semua bahagian peralatan elektrik yang boleh dicapai hendaklah mempunyai wayar bumi atau berpenambat (dwi penambat).

Ω Semua wayar mudahlentur, palam, soket dan penyambung hendaklah dalam keadaan baik kualitinya dan mematuhi piawaian.

- Ω Suis bekalan utama hendaklah diletakkan pada lokasi yang sesuai, mudah dicapai dan posisi "ON" dan "OFF" dikenalpasti.
- Ω Peralatan hendaklah kerap diperiksa dan diselenggara.
- Ω Kerosakan yang dijumpai pada peralatan hendaklah dilaporkan.
- Ω Putuskan bekalan kuasa sebelum kerja-kerja membaikpulih, servis atau mengubahsuai sebarang peralatan atau mesin.
- Ω Sesuatu litar elektrik hendaklah dielakkan dari terlebih beban.
- Ω Penyambung wayar @ Wire Extension hendaklah mempunyai pemutus litar bocor ke bumi (ELCB) sendiri untuk tujuan keselamatan.
- Ω Kakitangan hendaklah dilatih di dalam prosedur keselamatan dan rawatan asas pertolongan cemas jika berlaku renjatan elektrik.
- Ω Semua peralatan elektrik hendaklah dilindungi dari kesan persekitaran dan bahaya-bahaya lain seperti cuaca, basah, haba, habuk dan kotoran, karatan, kebakaran dan letupan.

LOCKOUT / TAGOUT

- Ω Pengunci (lock) dipasang pada bekalan kuasa peralatan untuk mengelakkan pengaliran tenaga secara tidak sengaja.
- Ω Menggunakan konsep seorang pekerja, satu kunci dan satu tag.
- Ω Setiap individu yang bekerja pada sesuatu peralatan mestilah memasang pengunci dan tag miliknya sendiri.
- Ω Penguncian (Lockout) secara berkumpulan adalah dilarang.
- Ω Tag penguncian (Lockout Tag) memberikan amaran dan identiti diri orang yang memasangnya.

PENGUNAAN KENDERAAN / MESIN ANGKAT

- Ω Mesin telah diuji dan diluluskan oleh Pihak berkuasa.
- Ω Sijil PMA (Sijil Perakuan Mesin Angkat) yang sah.
- Ω Senggaraan berkala.
- Ω Mempunyai *functional limit switches*.
- Ω Pemandu / pengendali yang mempunyai lesen dan berdaftar dengan JKKP.
- Ω Kawasan operasi perlu dikepung / dipagar (barricated).
- Ω Muatan tidak melebihi had.
- Ω Bagi kerja di dalam zon voltan tinggi, kenderaan hendaklah dibumikan.
- Ω Memastikan setiap mesin dan jentera yang akan digunakan mempunyai mekanisma perlindungan keselamatan tersendiri (safety device) sebagai contoh :
 - α Gas cylinder dipasang bersama (flash –back arrestor)
 - α Komponen bergerak seharusnya mempunyai penutup (cover)
 - α Jentera (crane) ada mempunyai suis terhad pada bahagian
 - μ tali penaik (limit lifting wire rope)
 - α Janakuasa bergerak (portable generators) hendaklah
 - μ disertakan bersama pendawaian ke bumi (Residual Current Circuit Breaker RCCB)
- Ω Mesin dan jentera yang menggunakan bahan-bahan bakar disel hendaklah di kawal rapi dan dijaga dengan baik serta diberikan ruang pengudaraan yang cukup di lokasi penyimpanannya.

KEKEMASAN DI TEMPAT KERJA

- Ω Kekemasan bukan hanya terhad kepada kebersihan sahaja. Ia juga meliputi :
- α Memastikan tempat kerja kemas dan tersusun.
 - α Lantai dan dinding bebas dari benda yang licin atau boleh menyekat / tersangkut kaki.
 - α Pembuangan / penghapusan barang buangan.
 - α Menyimpan peralatan yang telah digunakan di tempat asalnya atau tempat simpanannya.

PENGENDALIAN SISA BUANGAN

Sisa Domestik

Sisa buangan seperti plastik, kaca, sisa makanan dan sisa tumbuhan yang boleh dilupuskan ditapak pelupusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Buangan Terjadual

Buangan yang terkandung di dalam kumpulan atau yang telah disenaraikan di dalam Jadual Pertama di bawah Peraturan-peraturan Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, hanya boleh dilupuskan di tapak pelupusan yang diluluskan oleh JAS. Buangan Terjadual ini termasuklah sebarang buangan yang bercampur dengan minyak dan bahan kimia.

- * Tiada sebarang aktiviti pembakaran sampah terbuka dibenarkan di dalam kawasan UiTM .

KESELAMATAN LALULINTAS DI KAWASAN LOJI DAN PEPASANGAN ELEKTRIK

- Ω Mempunyai lesen memandu yang sah, dokumen kenderaan dan pas kemasukan.

- Ω Patuhi arahan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- Ω Patuhi undang-undang lalulintas. Contoh: Pakai tali pinggang keledar.
- Ω Lori terbuka tidak dibenar membawa penumpang dibelakangnya.
- Ω Tidak membawa lebih had muatan yang dibenarkan.

KESELAMATAN BEKERJA DI JALAN RAYA

- Ω Letakkan papan tanda amaran.
- Ω Letakkan kon keselamatan yang mencukupi.
- Ω Pasangkan 'Blinkers' di waktu gelap.
- Ω Pakai Vest keselamatan.
- Ω Tugaskan Pengawal Lalulintas. (Flagman)
- Ω Letakkan kenderaan di tempat yang bersesuaian.

KESELAMATAN PENGENDALIAN GAS

- Ω Silinder untuk gas mudahbakar hendaklah dilengkapi dengan 'flash back arrester'.
- Ω Semua gas mampat perlu disifatkan sebagai bahan letupan dan kontainernya sebagai bom.
- Ω Kontainer / silinder gas hendaklah disimpan tidak melebihi suhu 1210C (2500F).
- Ω Silinder kosong hendaklah ditutup rapi dan ditandakan sebagai kosong serta disimpan di tempat berasingan.

- Ω Silinder gas hendaklah diikat atau dirantai menegak supaya tidak jatuh.
- Ω Laksanakan kaedah pengenalan kod warna untuk membezakan isi kandungannya.
- Ω Gunakan troli khas untuk memindahkan silinder.

KESELAMATAN DI DALAM KERJA-KERJA KHAS

TEMBAKAN LELASAN (GRIT BLASTING)

- Ω Permit kerja (PTW) diperlukan.
- Ω Dilaksanakan oleh kakitangan terlatih sahaja.
- Ω Operator hendaklah memakai serkup (hood) udara bertekanan positif dan PPE.
- Ω Kawasan dikepung dan diletak papan tanda.
- Ω Gunakan Peralatan Pernafasan apabila bekerja di ruang terkurung.
- Ω Lakukan pbumian (rintangan < 25 ohm).
- Ω Penjaga mesin (Standby personnel) mestilah berada berdekatan pemampat udara dalam keadaan bersiap sedia semasa operasi.
- Ω Peralatan / permukaan yang hendak di 'tembak' hendaklah bebas dari minyak.
- Ω Blasting gun dan penampat udara hendaklah disambungkan ke punca pbumian (bonded to earth point).
- Ω Gunakan bahan penghakis yang diluluskan sahaja.

PENGUNAAN UDARA MAMPAT

- Ω Pemeriksaan berkala / berjadual.

- Ω Kakitangan yang terlatih.
- Ω Gunakan kelengkapan pelindung diri (PPE).
- Ω Kawasan operasi dikepung dan diletak papan tanda.
- Ω Gunakan hos dan peralatan yang sesuai.
- Ω Jangan gunakan udara mampat untuk tujuan membersihkan diri.
- Ω Jangan bermain dan bergurau semasa operasi dijalankan.

KERJA PANAS (HOT WORK)

(Contoh: kerja kimpalan, memotong, menggerudi,elasan)

- Ω Pekerja terlatih dan kompeten.
- Ω Memerlukan Permit Kerja (PTW)
- Ω Pemerhati api (fire watcher) ditempatkan.
- Ω Lakukan ujian gas.
- Ω Peralatan kerja perlu diasingkan dan bebas dari sebarang gas / minyak.
- Ω Kerja perlu dihentikan apabila terdapat gas / minyak di kawasan kerja dan hanya disambung semula setelah disahkan selamat.
- Ω Kawasan kerja hendaklah di dalam keadaan basah.
- Ω Bahan mudah terbakar / meletup tidak dibenarkan berada di dalam kawasan kerja.
- Ω Perisai (Shield) untuk melindungi tempat berdekatan dari api / bara yang berterbangan.

- Ω Di dalam ruang terkurung- perlu gunakan *fume extractor* .
- Ω Gunakan PPE yang bersesuaian.

KERJA-KERJA MENGOREK / MENGGALI

- Ω Permit Kerja (PTW).
- Ω Kawasan dikepung dan diletak papan tanda.
- Ω Shoring, sloping, bracing.
- Ω Pastikan tiada pemasangan / talian bekalan di bawah kawasan korekan.
- Ω Sila patuhi Peraturan di bawah Akta Kilang Dan Jentera 1967. (AKJ 1967).

SESI TOOLBOX

Pihak pengurusan kontraktor atau penyelia tapak perlu melaksanakan taklimat ringkas keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada para pekerja, dikenali sebagai (toolbox talk) pada setiap minggu bagi mengingatkan para pekerja berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta diri sewaktu bekerja.

Antara topik-topik yang perlu dibincangkan semasa sesi toolbox :

- Ω Skop kerja yang hendak dilakukan.
- Ω Job safety Analysis.
- Ω Keselamatan semasa bekerja.
- Ω Penerangan cara melakukan kerja dengan selamat.
- Ω Permit Kerja- Pemerhatian Khas.
- Ω Isu-isu semasa di tempat kerja.

**PERUNDANGAN BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA DI
UiTM**

1. Akta UiTM.
 2. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP/OSHA 1994).
 3. Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ / FMA 1967).
 4. Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE / ESA 1990).
 5. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS /EQA 1 74).
 6. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP / ESSA 1969).
- Ω Bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di tapak binaan yang dipengerusikan oleh Pengurus Projek selaras dengan Peraturan Akta KKP 514 (1994).

PANDUAN TELEFON STAF PEJABAT PENGURUSAN FASILITI

Bil	Bahagian / Nama	No. Telefon
1.0	Hotline PPF	03-5544 4444
2.0	Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti Ir Haji Ismail Mohd Kassim	03-3258 4040
3.0	Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM Mohd Saini Awang	03 5543 8064
4.0	Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PPF Ahmad Hilmi Rahmat	03 5544 3249
4.1	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PPF Mona Anita Fauzi	03-5544 2285
5.0	Bahagian Kontrak & Kawalan Kos Hjh Zarina A Hasan	03-3258 4048
5.1	Unit Kontrak & Kawalan Kos Armai Mohamed	03-5544 2279
6.0	Bahagian Kualiti, Audit & FMS Sr.Mohd Shaharuddin Saud	03-3258 4059
6.1	Unit Kualiti, Audit & FMS Norazizah Abdullah	03-5544 3419
7.0	Bahagian Operasi Bangunan, Infrastruktur & Lanskap Mohammed Izrai Abd Razak	03-5544 2539
7.1	Unit Operasi Bangunan Mohd Nordin B. Mustapha	03-5544 3252
7.1.1	Seksyen Operasi Zon A Mahmud Mustapa	03-5544 2316
7.1.2	Seksyen Operasi Zon D Zulmi Safuan Desa	03-5521 1789
7.2	Unit Operasi Bangunan (B & C) Mohd Nordin Mustapha	03-5544 2116

Bil	Bahagian / Nama	No. Telefon
7.2.1	Seksyen Operasi Zon B Musrifah Miskon	03-5544 2319
7.2.2	Seksyen Operasi Zon C Abd Halim Abdullah	03-5544 2322
7.3	Unit Infra Awam & Lanskap Farah Lulu Abd Ghani	03 5544 2632
7.4	Unit Infra Elektrikal Mohd Halmi Abas	03-5521 1595
7.5	Unit Infra Mekanikal Ihsan Syadid Mohd Azmi	03-5544 2633
7.6	Unit Penyaman Udara Berpusat Anuar Hashim	03-5521 1594
7.7	Unit Telekomunikasi Nurhayati Md Saleh	03-5544 3208
7.8	Unit Kontrak dan Kawalan Kos Siti Hasnor Mat Hashim	03-5544 2109
8.0	Bahagian Projek Dan Rekabentuk 1 Zul Khafiz Mohd Khalid	03-5544 2545
9.0	Bahagian Projek Dan Rekabentuk 2 Suhaimi Ahmed	03-5544 2330
10.0	Bahagian Pengurusan Tenaga Dan Majlis Zainolasri Abd Sani	03-5544 3245
10.1	Unit Majlis Abdul Halim Mohd	03-5544 2314
11.0	Bahagian Pentadbiran Mohd A'zimi Mokhtar	03-5544 2262
11.1	Unit Pentadbiran Azlan Adnan	03-5544 2524
12.0	Bahagian ICT Syamsudin Mudzamil	03-5521 1364

SENARAI SEMAK KERJA-KERJA BERISIKO (HAZARD/BAHAYA) YANG DIJALANKAN .

Pengetahuan dan pengalaman anda sebagai kontraktor atau syarikat berkenaan senario jenis ,situasi kerja, cuaca dan lain- lain dengan memberi gambaran tentang spesifikasi dan aktiviti-aktiviti kerja yang terlibat. Berikut adalah senarai kerja yang hazard (*Sila tandakan √ di petak yang disediakan*)

- ☐ Bekerja di tempat tinggi.
- ☐ Menggorek dan menggali.
- ☐ Kerja panas 'welding, dll'.
- ☐ Ruang terkurung.
- ☐ Bekerja di tempat sibuk.
- ☐ Bekerja di tempat sejuk.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan bahan kimia.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan jentera berat.
- ☐ Bekerja dan menjalankan penyambungan bekalan elektrik / voltan tinggi.

- ☐ Bekerja dan mengendalikan bahan letupan.
- ☐ Bekerja dan menggunakan tembakan.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan tekanan.
- ☐ Bekerja dan mengendali bahan kerja yang berat > 50 Ibs.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan Scalfolding.
- ☐ Bekerja di tempat bising.
- ☐ Bekerja dengan konkrit.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan 'power active tools'.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan peralatan 'tools and power'.
- ☐ Bekerja dan mengendalikan peralatan yang tajam.

☐

Atau lain-lain (sila nyatakan):

☐

☐

Dengan ini saya memperakukan bahawa kerja-kerja yang bertanda di atas akan di ambil maklum dan memastikan ,” setakat yang praktik , keselamatan , kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerja”.

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

Jawatan : _____

No.Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

PENYERAHAN LIABILITI

1. Akta Kesihatan Pekerja 1994 dan Seksyen 31, Akta kilang dan Jentera, 1967 dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan yang melibatkan kehilangan nyawa pekerja atau mendatangkan kecederaan kepada diri pekerja dengan menghalang beliau daripada menjalankan tugas biasanya melebihi daripada empat (4) hari hendaklah dilaporkan dengan segera ke Bahagian ini. Borang JKKP 6 (lampiran 2) hendaklah diisi dan dikemukakan ke Bahagian ini selepas laporan melalui telefon atau fax. Sebarang kejadian bahaya (dangerous occurrences) ke atas jentera dan sebagainya yang boleh mengancam keselamatan pekerja dan orang awam hendaklah juga dilaporkan ke Bahagian ini. Lain-lain kemalangan ringan hendaklah dicatatkan di dalam buku rekod daftar kemalangan dan dikemukakan untuk semakan pegawai kami apabila diarahkan;
2. **Menyediakan dan menyemak semula Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (Occupational Safety And Health Policy), Perkiraan Organisasi dan Perkiraan Keselamatan daripada semasa kesemasa supaya dikemaskini dengan mengambilkira perkembangan undang-undang, teknologi dan persekitaran tapak kerja. Dasar yang telah digubal dan dimeterikan oleh Pengerusi atau Pengarah Urusan Syarikat hendaklah diberitahu kepada semua peringkat pengurusan dan kakitangan Syarikat tuan serta lain-lain pekerja selain daripada pekerja tuan. Dasar ini hendaklah dipaparkan dipapan kenyataan untuk pengetahuan umum;**
3. Satu **Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja** yang dipengerusikan oleh Pengurus Projek berkenaan hendaklah ditubuhkan di tapak kerja binaan dan hendaklah mematuhi kepada kehendak-kehendak Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja) 1996.
4. Seorang Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja yang bertauliah hendaklah dilantik berpandukan kepada kehendak Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja) 1997;
5. Mengadakan satu Sistem Pengurusan Keselamatan yang berkesan dan efektif serta mengenalpasti bahaya-bahaya yang mungkin timbul dengan mengambil langkah-langkah yang praktik dan wajar semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan supaya tidak mendatangkan bahaya atau gangguan kepada orang-orang awam dan kerosakan harta benda kepunyaan orang awam pada setiap masa;

6. Bertanggungjawab ke atas tingkah laku aktiviti kerja binaan yang dijalankan oleh "independent specialized contractors" seperti TNB, IWK, JBA, Telekom dan sebagainya;
- i. Rekod-rekod di para 3(i) hingga 3(vii) hendaklah di simpan di tempat kerja dan boleh dikemukakan apabila diminta oleh pegawai dari Bahagian ini semasa pemeriksaan statutori dijalankan;
 - ii. Laporan bulanan berkenaan prestasi pencapaian sistem pengurusan keselamatan yang dilaksanakan hendaklah dikemukakan ke Bahagian ini untuk semakan lanjut pada hari ketujuh (07) setiap bulan sehingga penyempurnaan projek berkenaan;
 - iii. Pemberitahuan secara bertulis ke Bahagian ini hendaklah dibuat apabila projek berkenaan telah siap dilaksanakan kelak;
 - iv. Mematuhi lain-lain kehendak jabatan ini yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
7. Untuk makluman tuan, pegawai-pegawai dari Bahagian ini akan melakukan lawatan berjadual atau mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan yang dijalankan oleh syarikat tuan mematuhi kehendak-kehendak Bahagian ini pada setiap masa. Tindakan memberhentikan operasi kerja tuan akan dijalankan tanpa apa-apa amaran semasa lawatan dibuat jikalau didapati tahap dan mutu keselamatan yang dipaparkan adalah tidak selamat.
8. Kerjasama daripada pihak tuan untuk mengadakan satu keadaan dan kaedah kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja-pekerja tuan, lain-lain pekerja selain daripada pekerja sendiri dan orang-orang awam pada setiap masa adalah amat dihargai.
9. Pihak tuan boleh berhubung terus dengan **Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Pejabat Pengurusan Fasilitas, Universiti Teknologi MARA** jika terdapat apa-apa kemusykilan berkenaan perkara di atas.

PERAKUAN KONTRAKTOR

(Sila baca dengan teliti perakuan i,ii dan iii)

Saya mewakili _____ dengan ini mengesahkan :-

- i. Telah memiliki, membaca dan memahami kandungan Manual Keselamatan Kontraktor UiTM dan berjanji akan mematuhi segala arahan-arahan yang terkandung di dalamnya.
- ii. Sentiasa mengambil langkah yang perlu untuk memantau hazard dan menjalankan langkah kawalan yang sesuai bagi mengelakkan kemalangan.
- iii. Maklum dengan keperluan perundangan termaktub yang berkaitan dengan kerja-kerja di UiTM yang dijalankan oleh syarikat saya akan sedia mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut.

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

Jawatan : _____

No.Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

NO	KETERANGAN KESALAHAN	JENIS KESALAHAN (Sila tanda v pada yang berkenaan)	PENALTI
1.0	Gagal menghadiri kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (BKKP-UiTM) sebelum memulakan sebarang apa-apa kerja di UiTM.	☐	RM200.00
2.0	Gagal mematuhi peraturan berkaitan pemakaian pakaian perlindungan ketika bekerja atau berada di tapak binaan seperti topi dan kasut perlindungan PPE. (Personal protection equipment)	☐	RM200.00
3.0	Merokok di dalam kawasan tapak binaan atau kawasan / zon UiTM.	☐	RM100.00
4.0	Melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan haba tinggi (hot works) tanpa perkiraan :-		
4.1	(Hot permit) yang sah laku tempohnya.	☐	RM200.00
4.2	Alat cegah kebakaran yang tersedia ada di lokasi tapak (standby fire extinguisher).	☐	RM200.00
4.3	Pemasangan flashback arrestor pada acetylene cylinders.	☐	RM200.00
4.4	Perlindungan yang sempurna di kawasan persekitaran operasi jentera.	☐	RM200.00
4.5	Papan tanda peringatan/amaran yang sempurna dan cukup.	☐	RM200.00
4.6	Silinder gas (welding & cutting) berada dalam keadaan tegak di dalam troli.	☐	RM200.00

BORANG PENALTI

NO	KETERANGAN KESALAHAN		JENIS KESALAHAN (Sila tanda v pada yang berkenaan)	PENALTI
5.0	Menggunakan atau bekerja di atas perancah yang tidak sempurna dan berbahaya didalam tapak binaan UiTM.		☐	RM200.00
6.0	Tidak menggunakan tangga sempurna dan sesuai semasa bekerja pada aras yang tinggi di tapak binaan/operasi penyelenggaraan.		☐	RM200.00
7.0	Tidak menggunakan penghadang sempadan (barricade) yang sempurna :			
	7.1	Di perimeter tapak binaan.	☐	RM200.00
	7.2	Di kawasan kerja tebus guna tanah.	☐	RM200.00
	7.3	Di lantai dan dinding yang terbuka.	☐	RM200.00
	7.4	Di bahagian bawah tapak dimana kerja-kerja yang melibatkan aras tinggi.	☐	RM200.00
8.0	Penggunaan alat-alatan elektrik :			
	8.1	Terdapat kerosakan pada kabel dan bahagian-bahagiannya. (damage part)	☐	RM200.00
	8.2	Penggunaan kabel yang sambungannya tidak selamat (unsafe connection)	☐	RM200.00
	8.3	Dengan kerosakan atau tiada penutup atas plug/soket elektrik yang digunakan.	☐	RM200.00
	8.4	Tiada pendawaian bumi (earth circuit breaker ELCB dan pendawaian bumi bagi generator yang tidak sempurna.	☐	RM200.00

NO	KETERANGAN KESALAHAN		JENIS KESALAHAN (Sila tanda v pada yang berkenaan)	PENALTI
	8.5	Menggunakan peralatan yang rosak dan tidak selamat (Drill Machine, hacker dan lain-lain)	☐	RM200.00
9.0	Menggunakan jentera atau mesin pembinaan seperti mobile crane, lifting crane, skylift, scissors lift, air compressor, portable generator, welding generator, chain block, lever block, wire rope, lifting belt dan shackel tanpa tag pemeriksaan keselamatan.		☐	RM200.00
10.0	Menggunakan operator atau pekerja yang tidak berkelayakan/kompeten dalam operasi jentera di tapak binaan.		☐	RM200.00
11.0	Bekerja dalam kawasan/ruang tertutup seperti tank, vessel, mainhole atau sewer tanpa kebenaran/kelulusan UiTM.		☐	RM200.00
12.0	Tidak mematuhi mana-mana peraturan dan syarat dalam tatacara etika kerja, garis panduan dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam operasi tapak binaan Pejabat Pengurusan Fasiliti atau Pejabat Pembangunan yang berkaitan keselamatan, kesihatan dan hal-hal persekitaran.		☐	RM200.00
13.0	Aktiviti pergaduhan sesama pengurusan kontraktor atau pekerja dan melakukan jenayah di kawasan tapak binaan UiTM.		☐	Dibuang dari Tapak Bina dan seluruh kawasan UiTM.
14.0	Disyaki menggunakan dadah atau alkohol semasa bekerja atau ketika berada di dalam tapak binaan UiTM.		☐	Dibuang dari Tapak Bina dan seluruh kawasan UiTM.